

09 MAY 1996

Anwar-Kelantan (Bergambar)

K'JAAN PUSAT SEDIA KERJASAMA BANGUNKAN KELANTAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Kerajaan pusat sentiasa bersedia menyokong projek-projek usahasama dengan kerajaan negeri Kelantan untuk faedah rakyat negeri itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Kerajaan pusat selama ini memang tidak menimbulkan banyak masalah kalau kerajaan negeri Kelantan mengambil sikap terbuka dan memberi kerjasama untuk faedah rakyat Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Ibupejabat Korporat Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB) di Pekeliling Business Centre, di sini.

Pada majlis itu, Anwar turut menyaksikan penandatanganan perjanjian persefahaman antara KUB dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk membangunkan industri petrokimia di Kelantan.

Katanya, usahasama antara KUB dan kerajaan negeri Kelantan itu dilakukan setelah mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar berkata Dr Mahathir telah berbincang dengan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam mengenai projek usahasama itu serta beberapa isu semasa yang lain.

Anwar berkata dalam pertemuan itu Perdana Menteri juga berbincang secara umum mengenai hasrat kerajaan negeri Kelantan meneruskan cadangan meminda perlembagaan negeri.

"Pagi ini, saya mendapat penerangan daripada Perdana Menteri mengenai pertemuan itu dan saya membuat perbincangan lanjut dengan Menteri Besar, timbalannya dan Pengerusi Eksekutif KUB Hassan Harun mengenai kerjasama ini dan beberapa masalah berbangkit," katanya.

Anwar berkata kerjasama pembangunan dengan kerajaan negeri Kelantan pernah dilaksanakan sebelum ini dan sesetengahnya menghadapi masalah serius.

"Saya berharap kita tidak menghadapi banyak masalah kali ini," katanya.

Projek usahasama yang melibatkan pembinaan sebuah kompleks minyak dan gas dan pengeluar tenaga persendirian (IPP) di Pantai Senok, kira-kira 10 km dari Kota Bharu, dianggarkan bernilai RM2,000 juta.

Terdahulu, Hassan dan Naib Pengerusi KUB Ruhanie Ahmad menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan anak syarikat PKINK, Keloil Sdn Bhd yang diwakili Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman dan Naib Pengerusi Keloil Wan Zulkifle Wan Yusuf. -- BERNAMA

RAZ AKD